

Perjuangan Pas tidak boleh ketepi unsur Melayu

UM 25 JUN 2001

Oleh ISMAIL DAUD

KUALA LUMPUR 24 Jun — Pas tidak boleh menyetepikan unsur Melayu dalam perjuangannya kerana Melayu dan Islam sudah sebatih dan tidak mungkin boleh dipisahkan.

Dekan Sekolah Pengurusan Sains Sosial Universiti Utara Malaysia (UUM), Profesor Madya Dr. **Ahmad Atory** Hussain berkata, walaupun Pas mendokong perjuangan Islam tetapi dalam konteks negara ini, Melayu dan Islam adalah sama dan saling melengkapi.

"Melayu adalah bangsanya dan Islam adalah agamanya. Tidak ada di dunia ini, satu bangsa yang dinamakan bangsa Islam," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam ucapan penggulungan pada Perhimpunan Agung UMNO semalam mengenai pengkhianatan Pas terhadap orang Melayu dan I&M.

Dr. Mahathir berkata, Pas mengkhianati bangsa kerana mereka menentang kemajuan dan perpaduan ummah dan pada masa yang sama tidak ada usaha menentang pihak yang cuba memperlekehkan hak istimewa orang Melayu dan agama Islam.

Ahmad Atory berkata, sebagai salah satu parti dominan orang Melayu, Pas tidak juga boleh menggunakan alasan tidak punya kuasa memerintah untuk tidak menyatakan bantahan kepada perkara-perkara yang mempersoalkan hak orang Melayu.

"Ini kerana sikap dan pandangan Pas memberi kesan kepada persepsi orang-orang Melayu dan masyarakat keseluruhannya.

"Orang Cina juga tidak punya kuasa tetapi apabila Suqiu membangkitkan soal hak istimewa orang Melayu, kesannya ada," katanya.

Beliau berkata, kepentingan pendirian Pas itu jelas dapat dilihat apabila ada masanya sikap dan pendirian parti itu mendapat perhatian dan reaksi daripada UMNO dan kerajaan.

Beliau berpendapat, ucapan Dr. Mahathir semalam tidak menggambarkan pemimpin UMNO itu membenci Pas tetapi Dr. Mahathir menyifatkan Pas sebagai pengkhianat kerana Pas tidak menyokong usaha kerajaan dalam soal menjaga hak istimewa orang Melayu.

Katanya, terdapat dua atau tiga perkara mengenai orang Melayu yang cuba diganggu gugat oleh orang bukan Melayu sejak kebangkitan ini tetapi Pas tidak membuat bantahan, sekurang-kurangnya untuk melegakan orang Melayu yang menganggotai parti itu.

"Bagi saya, kita boleh berlainan ideologi tetapi dalam soal orang Melayu ini, kita kena sama tanpa mengira parti," tegasnya.

Ahmad Atory berkata, Pas perlu menyedari bahawa jauh di sudut hati kebanyakan orang Melayu terutama UMNO, Pas tetap dianggap saudara sebangsa dan seagama.

"Jadi, apabila Pas tidak berkata sesuatu terhadap cabaran yang dihadapi oleh orang Melayu dan hak istimewa mereka, mereka berasa jauh hati," katanya.